

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 23 JULAI 2018 (ISNIN)

SOALAN : 63

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah subsidi yang disalurkan kepada MASwings untuk setiap tahun sejak Kerajaan menandatangani kontrak dengan MASwings bagi menyediakan perkhidmatan udara ke kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak; dan
- (b) senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk setiap laluan bagi tahun 2017 dan 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang disalurkan kepada MASwings untuk setiap tahun sejak Kerajaan menandatangani kontrak dengan MASwings bagi menyediakan perkhidmatan udara ke kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak yang merangkumi kos operasi menyediakan perkhidmatan udara luar bandar (*Rural Air Services – RAS*) bagi kesemua 49 laluan dan sewa pajakan pesawat yang digunakan untuk perkhidmatan ini bagi tempoh kontrak 2007 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Subsidi (RM)	Bilangan Penumpang
Oktober – Disember 2007	18,156,536.55	N/A
2008	88,685,266.25	1,612,964
2009	106,938,577.40	1,974,511
2010	128,069,628.41	2,744,646
2011	118,033,628.22	3,085,793
2012	114,491,239.04	3,139,431
2013	140,317,095.07	3,123,567
2014	160,921,177.63	3,320,037
2015	153,260,116.82	2,935,451
2016	169,780,833.72	2,998,397
Sehingga suku ketiga tahun 2017	159,514,953.50	1,985,665

Kementerian Pengangkutan juga menjalankan audit pengesahan terhadap tuntutan subsidi dan insentif RAS ini bagi memastikan:

- i) Semua pendapatan dan perbelanjaan yang telah dilakukan adalah dalam keadaan teratur, berhemat dan hanya melibatkan operasi RAS; dan
 - ii) Pengurusan operasi RAS telah dijalankan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan MASwings.
- (b) Berhubung jumlah peruntukan yang disalurkan untuk setiap laluan bagi tahun 2017 dan 2018, penyaluran subsidi kepada pihak MASwings yang dilaksanakan pada setiap tahun adalah tidak mengikut laluan. Sebaliknya, peruntukan disalurkan berdasarkan kepada kerugian ke atas kos operasi secara keseluruhan dan bayaran sewa pajakan pesawat yang digunakan untuk menyediakan perkhidmatan ini.

Subsidi diberikan bagi menampung kerugian operasi RAS yang diperoleh apabila pendapatan (*revenue*) RAS ditolak daripada kos (*expenditure*) RAS. Kerugian yang perlu ditampung oleh Kerajaan tidak akan melebihi *Loss Cap* yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian RAS iaitu sebanyak RM69.2 juta pada masa ini. MASwings turut diberikan insentif sekiranya kerugian adalah rendah daripada *Loss Cap* yang ditetapkan berdasarkan kepada formula di bawah Perjanjian RAS.

Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*)

1. RAS merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar bandar dengan dunia luar.
2. MASwings telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan RAS di Sabah dan Sarawak melalui Perjanjian RAS yang ditandatangani di antara MOT dan MASwings pada 3 Julai 2008. Selanjutnya, Perjanjian RAS tersebut yang tamat pada 30 September 2017 telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018 melalui Perjanjian Interim di antara Kerajaan dan MASwings.
3. MASwings menyediakan perkhidmatan RAS di sejumlah 49 laluan yang meliputi 19 laluan dengan menggunakan 10 buah pesawat jenis ATR 72-500 dan 30 laluan dengan menggunakan 6 buah pesawat jenis Twin Otter Viking DHC6-400. Laluan-laluan ini adalah melibatkan 11 buah lapangan terbang dan 12 buah padang terbang di Sabah dan Sarawak.

Perincian laluan berserta kekerapan penerbangan yang telah ditetapkan di bawah *Schedule 1*, Perjanjian RAS adalah seperti di **Lampiran I**.

4. Walau bagaimanapun, terdapat 7 laluan RAS yang diberikan pengecualian untuk dioperasikan oleh syarikat penerbangan

komersial yang lain (Malaysia Airlines Berhad dan AirAsia) seperti berikut:

- (i) Kota Kinabalu – Tawau
- (ii) Kota Kinabalu – Sandakan
- (iii) Kota Kinabalu – Miri
- (iv) Kota Kinabalu – Labuan
- (v) Kuching – Sibul
- (vi) Kuching – Bintulu
- (vii) Kuching – Miri

Bagi laluan Kota Kinabalu – Labuan, ia kini hanya dioperasikan oleh MASwings sahaja. Ini adalah berikutan keputusan AirAsia untuk menamatkan operasi di laluan tersebut bermula Februari 2009 atas dasar *load factor* yang rendah.

5. Berdasarkan Perjanjian RAS, segala kos penyediaan perkhidmatan RAS oleh MASwings diberikan oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi operasi dan bayaran sewa pajakan pesawat.
6. Subsidi diberikan bagi menampung kerugian operasi RAS yang diperoleh apabila pendapatan (*revenue*) RAS ditolak daripada kos (*expenditure*) RAS. Kerugian yang perlu ditampung oleh Kerajaan tidak akan melebihi *Loss Cap* yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian RAS iaitu sebanyak RM69.2 juta pada masa ini. MASwings turut diberikan insentif sekiranya kerugian adalah rendah daripada *Loss Cap* yang ditetapkan berdasarkan kepada formula di bawah Perjanjian RAS.

7. Manakala, kadar sewa pajakan pesawat yang perlu dibayar oleh Kerajaan bagi penyediaan RAS adalah sebanyak USD170,000 sebulan bagi setiap pesawat ATR72-500 dan sebanyak USD59,000 sebulan bagi setiap pesawat Twin Otter.

Perbelanjaan RAS dari 2007 hingga 2018

8. Jumlah perbelanjaan RAS bermula dari bulan Oktober 2007 hingga suku pertama tahun 2018 bagi kesemua 49 laluan RAS adalah seperti butiran berikut:

Tahun	Jumlah Subsidi (RM)	Bilangan Penumpang
Oktober – Disember 2007	18,156,536.55	N/A
2008	88,685,266.25	1,612,964
2009	106,938,577.40	1,974,511
2010	128,069,628.41	2,744,646
2011	118,033,628.22	3,085,793
2012	114,491,239.04	3,139,431
2013	140,317,095.07	3,123,567
2014	160,921,177.63	3,320,037
2015	153,260,116.82	2,935,451
2016	169,780,833.72	2,998,397
Sehingga suku ketiga tahun 2017	159,514,953.50	1,985,665

Hasil Kajian Semula RAS Oleh MAVCOM

9. Kerajaan sedang melaksanakan rasionalisasi terhadap Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) di Sabah dan Sarawak berdasarkan kajian semula RAS yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission – MAVCOM*) pada tahun 2017.
10. Kajian tersebut antara lain merangkumi kajian ke atas objektif RAS, implikasi kewangan yang terlibat, laluan dan kekerapan penerbangan RAS, kadar tambang yang dikenakan, pesawat yang hendak diguna pakai, mekanisme pemberian subsidi kepada pengguna perkhidmatan ini serta mekanisme pemantauan RAS.
11. Secara ringkasnya, hasil kajian semula RAS yang dijalankan oleh MAVCOM antara lain telah merumuskan perkara-perkara seperti berikut:
 - (i) tempoh pelanjutan Perjanjian RAS di antara Kerajaan dan MASwings adalah selama 7 tahun 3 bulan yang akan dilaksanakan melalui kaedah berikut:
 - (a) Perjanjian RAS di antara Kerajaan dengan MASwings yang akan tamat pada 30 September 2017 dilanjutkan bagi tempoh 15 bulan (1 Oktober 2017 hingga 31 Disember 2018) melalui Perjanjian Interim;

- (b) Perjanjian RAS yang baru disediakan untuk tempoh 6 tahun dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2024 bagi meneruskan perkhidmatan MASwings;
- (c) penetapan destinasi dan laluan RAS hendaklah dibuat berdasarkan definisi PSO di bawah Seksyen 2, Akta 771. Berdasarkan definisi tersebut, MAVCOM telah merumuskan perkara-perkara berikut:
- (d) 6 laluan RAS sedia ada di bawah Perjanjian RAS iaitu Kota Kinabalu – Sandakan, Kota Kinabalu – Tawau, Kota Kinabalu – Miri, Kuching – Miri, Kuching – Bintulu dan Kuching – Sibu tidak memenuhi definisi PSO tersebut. Ini adalah kerana 6 laluan tersebut bersifat komersial dan tidak layak untuk dikategorikan sebagai RAS di bawah Akta 771. 6 laluan tersebut kini sedang dioperasikan bersama oleh AirAsia, Malaysia Airlines Berhad (MAB) atau kedua-duanya;
- (e) terdapat penambahan 4 destinasi baru iaitu Long Pasia di Sabah, Kapit/Bukit Mabong, Belaga dan Long Silat di Sarawak yang layak diberi pertimbangan lanjut, di mana ianya tertakluk kepada kos, lokasi dan faktor-faktor lain yang berkenaan;
- (f) penambahan laluan bagi destinasi RAS sedia ada iaitu Limbang – Kuching (3 kali seminggu dengan menggunakan pesawat ATR72), Long Lellang – Bario (1 kali seminggu dengan menggunakan pesawat Twin

Otter), Long Seridan – Bario (1 kali seminggu dengan menggunakan pesawat Twin Otter), dan perkhidmatan kargo khas di antara Miri – Bario, Ba'kelalan, Long Seridan, Long Lellang, Long Akah dan Long Banga (1 kali seminggu bagi setiap laluan dengan menggunakan pesawat Twin Otter).

- (ii) penetapan kekerapan penerbangan bagi laluan RAS hendaklah dibuat berdasarkan keperluan dan permintaan semasa bagi setiap laluan tersebut;
- (iii) mekanisme pemberian subsidi diubah daripada mekanisme yang berdasarkan kerugian operasi RAS dan insentif kewangan kepada mekanisme yang terikat dengan prestasi operasi dan kewangan. Cadangan struktur mekanisme pemberian subsidi adalah seperti berikut:
 - (a) sewa pajakan pesawat dibayar terus kepada MASwings (sama seperti Perjanjian RAS sedia);
 - (b) Subsidi bagi menampung kerugian operasi RAS sebenar, dibayar berdasarkan amaun yang ditentukan setelah diaudit, sekiranya terdapat penjimatan kos, ianya akan dikongsi sama rata di antara Kerajaan dan MASwings;
 - (c) Insentif diberikan dalam bentuk pembayaran yuran pengurusan (*management fee*) dengan had maksimum

RM20 juta setahun tertakluk kepada prestasi operasi dan kewangan; dan

- (d) pengenaan penalti dengan had maksimum RM10 juta bagi perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tidak mencapai tahap KPI yang ditetapkan.

- (iv) peruntukan sedia ada Kerajaan bagi RAS sebanyak RM190 juta setahun dinaikkan kepada RM240 juta setahun disebabkan oleh kehilangan keuntungan bagi 6 laluan yang telah dikomersialkan, kenaikan kadar pertukaran mata wang asing Amerika Syarikat (USD) dan kenaikan harga minyak pesawat;

- (v) pemantauan secara aktif dan berkala oleh MAVCOM terhadap prestasi kewangan dan operasi MASwings yang turut melibatkan rundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta input daripada penumpang RAS; dan

- (vi) penambahbaikan mekanisme penetapan siling kadar tambang dengan penetapan satu kadar tambang tanpa caj- caj lain yang dikenakan oleh operator seperti surcaj bahan api (*fuel surcharge*). Siling tersebut juga akan dikaji semula dengan lebih kerap dan ianya ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama di antara MOT, MAVCOM dan operator.

12. Prestasi pengendalian penumpang, pesawat dan kargo bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran II**.

Pembukaan 2 laluan RAS iaitu Kota Kinabalu – Sibul dan Kota Kinabalu – Bintulu untuk operasi komersial

13. Mantan Menteri Pengangkutan semasa perjumpaan beliau bersama-sama Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group pada 8 November 2017 antara lain telah bersetuju supaya 2 laluan RAS iaitu Kota Kinabalu – Sibul dan Kota Kinabalu – Bintulu dibuka untuk operasi komersial.
14. Melalui maklum balas AirAsia kepada MAVCOM, pihaknya bercadang untuk memulakan operasinya pada 1 Januari 2019 (selari dengan tarikh kuat kuasa Perjanjian RAS yang baru) dan menjalankan operasi sebanyak 14 kali seminggu di kedua-dua laluan tersebut dan akan menambah kekerapan kepada 21 kali seminggu selepas 2 tahun operasinya, tertakluk kepada permintaan semasa.
15. Pihak AirAsia juga telah menyatakan komitmennya untuk meneruskan operasi bagi kedua-dua laluan tersebut sepanjang tempoh Perjanjian RAS serta menyatakan kesediaan untuk mempertimbangkan sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang bakal dikenakan oleh MOT dan MAVCOM.
16. Secara ringkasnya, pembukaan 2 laluan RAS tersebut akan memberikan implikasi-implikasi berikut:

- (i) Subsidi (kerugian operasi RAS) dianggarkan akan bertambah di antara RM10 juta hingga RM15 juta setahun yang akan meningkatkan peruntukan Kerajaan daripada RM240 juta setahun kepada RM250 juta atau RM255 juta setahun mulai tahun 2019;
- (ii) pembayaran pampasan atau ganti rugi akibat daripada pemberhentian pekerja dan hal-hal pentadbiran yang berkaitan sebanyak RM5 juta secara *one-off*;
- (iii) tiada perubahan kepada bilangan pesawat yang diperlukan, maka 9 pesawat ATR dan 6 pesawat Twin Otter akan dikekalkan;
- (iv) tiada subsidi diberikan kepada syarikat penerbangan yang beroperasi ke 2 laluan tersebut selaras dengan kriteria PSO yang ditetapkan di bawah Akta 771;
- (v) kekhuatiran syarikat penerbangan komersial akan memberhentikan operasinya disebabkan mengalami kerugian ke 2 laluan tersebut berikutan *load factor* yang rendah;
- (vi) Kerajaan perlu menampung perbelanjaan untuk mengarahkan MASwings atau syarikat penerbangan yang dilantik Kerajaan beroperasi semula ke 2 laluan tersebut;
- (vii) implikasi perundangan ke atas Akta atau Perjanjian sedia ada; dan

(viii) penetapan terma-terma dan syarat-syarat bagi mengikat komitmen syarikat penerbangan komersial yang berminat beroperasi ke 2 laluan tersebut.

17. Buat masa ini, Kerajaan sedang meneliti serta memperhalusi perkara-perkara berkaitan komitmen, terma serta syarat bagi AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan komersial yang lain selain implikasi yang terlibat sekiranya syarikat terbabit dibenarkan untuk beroperasi ke laluan tersebut. Satu kertas Jemaah Menteri berhubung perkara ini dijangka akan dibentangkan pada minggu kedua bulan Ogos 2018.

LAMPIRAN I**SCHEDULE 1, PERJANJIAN RAS
(19 LALUAN PESAWAT ATR-72)**

LALUAN (pergi balik)	KEKERAPAN SEMINGGU
SABAH (INTERNAL)	
Kota Kinabalu – Lahad Datu	35x
Kota Kinabalu – Sandakan	28x
Sandakan – Tawau	14x
Kota Kinabalu – Tawau	28x
Kota Kinabalu – Labuan	28x
SARAWAK (INTERNAL)	
Miri – Mulu	14x
Miri – Limbang	21x
Miri – Bintulu	14x
Miri – Sibü	28x
Bintulu – Sibü	14x
Kuching – Bintulu	21x
Kuching – Sibü	35x
Kuching – Miri	21x
Kuching – Mulu	7x
SABAH / SARAWAK (INTERSTATE)	
Miri – Labuan	35x
Kota Kinabalu – Miri	28x
Kota Kinabalu – Bintulu	14x
Kota Kinabalu – Sibü	14x
Kota Kinabalu – Mulu	7x

(30 LALUAN PESAWAT TWIN OTTER)

LALUAN (pergi balik)	KEKERAPAN SEMINGGU
SABAH (INTERNAL)	
Kota Kinabalu – Kudat	3x
Kota Kinabalu – Sandakan	3x
Kudat – Sandakan	3x
SARAWAK (INTERNAL)	
*Miri – Limbang	14x
Miri – Lawas	38x
Limbang – Lawas	2x
Miri – Ba'kelalan	3x
Lawas – Ba'kelalan	3x
Miri – Bario	14x
Marudi – Bario	7x
Miri – Marudi	28x
*Miri – Long Lellang	3x
Miri – Long Akah	2x
Marudi – Long Lellang	2x
Marudi – Long Akah	2x
Bario – Ba'kelalan	1x
Sibu – Mukah	4x
Mukah – Miri	7x
Mukah – Bintulu	2x
Mukah – Kuching	21x
Miri – Long Seridan	2x
Marudi – Long Seridan	2x
*Miri – Mulu	5x
Miri – Long Banga	2x
Marudi – Long Banga	2x
*Bintulu – Belaga	2x
Kuching – Tanjung Manis	7x
Mukah – Tanjung Manis	7x
SABAH / SARAWAK (INTERSTATE)	
Kota Kinabalu – Limbang	3x
Kota Kinabalu – Lawas	2x

Nota : **X** : Laluan yang tidak dioperasikan oleh MASwings, = : Kekerapan penerbangan memenuhi Jadual 1, Perjanjian RAS, **o.w.**: one way

*Laluan Miri-Long Lellang – penambahan kekerapan penerbangan sebanyak 1 kali berbanding kekerapan sebenar 2 kali (kelulusan MOT pada 12 Disember 2014)

*Laluan Miri-Limbang & Miri-Mulu – Penggantungan operasi buat sementara waktu (kelulusan MOT pada 7 Januari 2016) – Turut dioperasikan menggunakan pesawat ATR72-500

*Laluan Bintulu-Belaga – Padang Terbang Belaga tidak beroperasi

LAMPIRAN II**PRESTASI PENGENDALIAN PENUMPANG UNTUK PERKHIDMATAN UDARA LUAR BANDAR (RURAL AIR SERVICES - RAS) BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017**

LAPANGAN TERBANG (LT)/ STOL PORTS (SP)					
	2013	2014	2015	2016	2017
Sabah					
LTA Kota Kinabalu	695,690	745,961	632,221	627,429	565,442
LT Labuan	280,767	312,643	271,371	245,147	214,428
LT Lahad Datu	145,930	161,230	143,654	140,076	127,651
LT Sandakan	152,485	167,976	139,823	137,768	109,676
LT Tawau	132,434	119,728	97,322	99,284	79,142
SP Kudat	4,996	4,590	5,309	7,001	6,190
Jumlah	1,412,302	1,512,128	1,289,700	1,256,705	1,102,529
Sarawak					
LTA Kuching	288,854	305,092	267,607	321,432	263,277
LT Miri	596,789	635,910	572,942	570,779	519,560
LT Sibul	355,597	365,264	340,737	370,257	308,302
LT Bintulu	201,308	220,172	189,661	198,094	147,562
LT Limbang	61,074	63,870	58,300	55,490	49,461
SP Ba'kelalan	3,251	3,237	51,387	60,074	62,656
SP Bario	16,490	18,455	3,435	4,318	4,270
SP Lawas	49,422	50,624	22,084	24,086	25,151
SP Long Banga	2,602	2,445	50,191	49,486	38,301
SP Long Lellang	2,488	2,365	2,571	2,474	2,274
SP Long Akah	1,799	1,524	2,564	2,688	3,040
SP Long Seridan	1,788	1,629	1,215	1,479	1,371
SP Marudi	44,540	41,053	1,695	2,002	1,960
SP Mulu	49,432	56,139	43,689	39,443	45,226
SP Mukah	34,074	37,968	35,935	36,249	37,148
SP Tanjung Manis	1,757	2,162	1,738	3,341	4,518
Jumlah	1,711,265	1,807,909	1,645,751	1,741,692	1,514,077
JUMLAH KESELURUHAN	3,123,567	3,320,037	2,935,451	2,998,397	2,616,606

**PRESTASI PERGERAKAN PESAWAT UNTUK PERKHIDMATAN UDARA LUAR
BANDAR (RURAL AIR SERVICES - RAS) BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017**

LAPANGAN TERBANG (LT)/ STOL PORTS (SP)					
	2013	2014	2015	2016	2017
Sabah					
LTA Kota Kinabalu	16,079	17,378	16,407	16,295	13,992
LT Labuan	6,722	7,285	6,579	6,400	5,908
LT Lahad Datu	3,294	3,476	3,590	3,427	2,938
LT Sandakan	4,154	4,846	4,579	4,394	3,779
LT Tawau	2,897	2,960	2,895	2,773	2,296
SP Kudat	231	226	230	306	536
Jumlah	33,377	36,171	34,280	33,595	29,449
Sarawak					
LTA Kuching	8,941	8,985	9,305	9,572	8,703
LT Miri	20,282	22,149	22,638	23,002	19,960
LT Sibul	8,911	8,924	9,006	9,341	8,287
LT Bintulu	6,043	6,059	6,081	6,165	5,482
LT Limbang	2,075	2,154	2,226	2,646	1,974
SP Ba'kelalan	320	324	2,381	2,375	2,201
SP Bario	1,442	1,762	328	476	444
SP Lawas	3,522	4,060	2,228	2,411	2,244
SP Long Banga	216	218	4,192	4,874	4,254
SP Long Lellang	276	272	226	226	206
SP Long Akah	364	322	320	370	418
SP Long Seridan	208	212	299	434	366
SP Marudi	3,542	4,784	228	308	328
SP Mulu	2,306	2,667	5,376	4,758	5,018
SP Mukah	2,948	3,370	3,258	4,522	4,234
SP Tanjung Manis	317	358	345	1,437	1,442
Jumlah	61,713	66,620	68,437	72,917	65,561
JUMLAH KESELURUHAN	95,090	102,791	102,717	106,512	95,010

**PRESTASI PENGENDALIAN KARGO (KILOGRAM) UNTUK PERKHIDMATAN UDARA
LUAR BANDAR (RURAL AIR SERVICES - RAS) BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017**

LAPANGAN TERBANG (LT)/ STOL PORTS (SP)					
	2013	2014	2015	2016	2017
Sabah					
LTA Kota Kinabalu	1,177,917	1,171,067	1,018,020	856,047	804,672
LT Labuan	565,055	514,834	435,611	318,211	287,113
LT Lahad Datu	200,328	178,932	157,911	128,876	101,296
LT Sandakan	82,030	125,082	173,895	167,126	160,361
LT Tawau	21,399	10,850	15,961	17,376	11,645
SP Kudat	0	0	0	0	0
Jumlah	2,119,868	2,046,729	1,801,398	1,487,636	1,365,087
Sarawak					
LTA Kuching	613,822	525,243	480,671	480,068	315,407
LT Miri	1,220,893	1,056,576	947,977	869,822	742,134
LT Sibul	524,006	515,090	402,297	375,487	222,546
LT Bintulu	202,955	141,375	151,278	160,219	139,836
LT Limbang	741,602	595,831	565,279	466,236	195,956
SP Ba'kelalan	0	0	231,608	278,653	315,341
SP Bario	208,969	102,864	0	0	0
SP Lawas	29,568	54,662	79,513	49,038	69,539
SP Long Banga	0	0	252,349	83,954	16,242
SP Long Lellang	0	0	0	0	0
SP Long Akah	0	0	0	0	0
SP Long Seridan	5,524	3,527	0	0	0
SP Marudi	307,929	283,298	2,913	4,312	1,399
SP Mulu	354,476	318,556	355,788	341,457	409,960
SP Mukah	0	0	0	0	0
SP Tanjung Manis	0	0	0	0	0
Jumlah	4,374,658	4,209,744	3,469,673	3,109,246	2,428,360
JUMLAH KESELURUHAN	6,494,526	6,256,473	5,271,071	4,596,882	3,793,447